

# Pilihanraya kecil Pantai Merdeka Pakatan tidak berkesan: PM

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekalahan Pas jelas membuktikan bahawa sokongan yang diperolehi oleh parti itu daripada sumber-sumber lain, tidak begitu berkesan.

"Dalam pilihanraya umum 1986, calon Pas bertanding tanpa bantuan sesiapa, dan kalah. Dalam pilihanraya kecil bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka, Pas mendapat sokongan parti pembangkang yang lain, tetapi kalah juga walaupun undinya lebih 680 daripada jumlah yang diperolehi dalam pilihanraya umum yang lalu.

"Jadi, ini menampakkan kepada kita bahawa kerjasama parti-parti berkenaan tidak begitu berkesan," kata beliau yang juga Presiden Umno, kepada pemberita semalam dari lawatan rasmi dua hari ke Pattaya, Thailand, di sini petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berpuas hati dengan kemenangan calon BN itu "walaupun kelebihan undi yang kita perolehi kurang... tetapi tidaklah terlalu kurang."

Calon BN, Senator Haji Shuaib Lazim mengalahkan calon Pas, Datuk Haji Mohd

BN 26 MAR 1990

Muslim Othman dengan majoriti 3,409 undi. Beliau memperolehi 10,384 undi manakala Datuk Haji Mohd Muslim 6,975 undi.

Beliau juga berharap BN akan mencapai kejayaan lebih cemerlang dalam pilihanraya umum akan datang.

Sementara itu, beberapa pemimpin Umno dan komponen Barisan Nasional (BN) menyifatkan kemenangan BN dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka, sebagai mencerminkan kekuatan Umno dan kepemimpinan kerajaan sekarang.

Mereka menganggap kekalahan Pas sebagai tanda penolakan rakyat terhadap gagasan barisan pembangkang yang disertai oleh parti itu, DAP dan Semangat 46.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, berkata kemenangan calon BN itu membuktikan rakyat masih memberi sokongan padu kepada kerajaan yang sedia ada.

Katanya, kemenangan itu juga membuktikan rakyat menolak falsafah dan perjuangan Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

"Rakyat masih memberi sokongan kepada BN kerana mereka yakin hanya parti itu yang boleh menjamin kestabilan dalam pemerintahan," katanya.

Naib Ketua Pemuda Umno, Encik Hashim Safin, berkata kemenangan Senator Haji Shuaib melambangkan penerimaan rakyat umum terhadap BN dalam

pilihanraya umum akan datang.

Ia juga, katanya, menandakan rakyat masih yakin dengan kepemimpinan kerajaan hari ini dan pada masa yang sama, menolak tuduhan tidak bertanggungjawab terhadap kerajaan dan pemimpin.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, pula berkata kemenangan BN semalam membuktikan rakyat kawasan itu masih memerlukan teraju pemerintahan sekarang.

Katanya, rakyat kawasan itu sedar bahawa setiap projek yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk faedah mereka dan ini sudah terbukti.

"Kemenangan calon BN itu membuktikan rakyat menolak gagasan yang dikemukakan oleh parti pembangkang (Pas) di samping membuktikan rakyat mahukan kerajaan terus berkuasa," katanya.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff menegaskan rakyat kini tidak dapat lagi menerima dasar Pas dan Semangat 46 kerana ia bertentangan dengan cara hidup dan Islam.

"Rakyat sudah menentukan sebuah kerajaan yang bersih dan menolak cara kepimpinan yang kotor," katanya.

Datuk Seri Haji Osman, yang juga Pengarah Pilihanraya BN Negeri, berkata kemenangan BN itu menunjukkan kerjasama antara Pas dan Semangat 46 serta Hamim dan Berjasa hanya berlaku di peringkat atasan, bukan bawahan.